

JITRA, 20 SEPT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD YAKIN RAKYAT AKAN TERUS MEMBERI MANDAT KEPADA BARISAN NASIONAL PADA PILIHAN RAYA AKAN DATANG SEBAGAI MENSYUKURI DAN MEMBALAS BUDI TERHADAP SEGALA USAHA YANG DIJALANKAN OLEH KERAJAAN SEKARANG.

PERDANA MENTERI BERKATA WALAUPUN ADA USAHA OLEH GOLONGAN TERTENTU UNTUK MERACUNI FIKIRAN RAKYAT SUPAYA MENENTANG KERAJAAN, NAMUN USAHA-USAHA ITU PASTI GAGAL KERANA RAKYAT SEDAR BAHAWA KEMAKMURAN DAN KEBAHAGIAN YANG DINIKMATI KINI IALAH HASIL USAHA KERAJAAN BARISAN NASIONAL.

KETIKA BERUCAP PADA MAJLIS LEMBAGA PADI DAN BERAS NEGARA (LPN) +TURUN KE BENDANG+ DI SEKOLAH MENENGAH BATU 20, MEGAT DEWA, DEKAT SINI, BELIAU BERKATA SELAGI SEMUA PIHAK BERSYUKUR, SELAMA ITULAH NEGARA DAN RAKYAT AKAN TERUS HIDUP AMAN DAN BAHAGIA.

+KINI MALAYSIA DIKENALI DAN DIIKTIRAF OLEH DUNIA SEBAGAI NEGARA YANG AMAN, MAKMUR DAN BAHAGIA YANG TIDAK ADA TOLOK BANDINGNYA,+ KATA DATUK SERI DR MAHATHIR SAMBIL MENEGASKAN PERLUNYA KEADAAN ITU BERTERUSAN.

+KITA HARUS BERSYUKUR DENGAN SEGALA NIKMAT YANG ADA DENGAN BERKATA +ALHAMDULILLAH+ SETIAP HARI 100 KALI.+ -- LAGI

1430MST 20 09 90

U B543 BAH

MAHATHIR - RAKYAT 2 JITRA

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA RAKYAT HARUS MEMUDAHKAN TUGAS KERAJAAN DENGAN MENYOKONG SEGALA RANCANGAN YANG DILAKSANAKAN YANG SEMEMANGNYA UNTUK FAEDAH BERSAMA DAN BUKANNYA BAGI KEPENTINGAN INDIVIDU TERTENTU.

KATANYA SEGALA FAEDAH YANG DIUMUMKAN OLEH KERAJAAN BARU-BARU INI SEPERTI KENAIKAN SUBSIDI HARGA PADI BUKANNYA UNTUK MEMANCING UNDI PADA PILIHAN RAYA AKAN DATANG SEBAGAIMANA DIDAKWA OLEH PEMBANGKANG, SEBALIKNYA DENGAN NIAT UNTUK KESENANGAN RAKYAT.

KATANYA SUBSIDI ITU BUKAN SAHAJA DINIKMATI OLEH PESAWAH, SEBALIKNYA AKAN TURUT DIRASAI OLEH GOLONGAN RAKYAT LAIN APABILA PARA PESAWAH MEMBELANJAKAN SUBSIDI YANG DITERIMA ITU.

MEMANGLAH MENJADI TUGAS KERAJAAN MEMBERIKAN KESENANGAN KEPADA RAKYAT, DAN JIKA IA DIBERI MENJELANG PILIHAN RAYA, MAKA ITU SECARA KEBETULAN DAN BUKAN BERMaksud MEMANCING UNDI, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR.

DAN RAKYAT SEMEMANGNYA MENYEDARI HAKIKAT ITU, KERANA SEJAK MERDEKA 33 TAHUN LEPAS, HANYA KERAJAAN YANG DIPIMPIN OLEH PARTI YANG SEDIA MEMERINTAH SAHAJA DIPILIH OLEH MEREKA, KATANYA. -- LAGI.

1512MST 20 09 90

U B544 BAH

MAHATHIR - RAKYAT 3 JITRA

MENGENAI LPN, BELIAU BERKATA BANYAK PERUBAHAN DAN KEMAJUAN YANG DILAKUKAN OLEH BADAN ITU DAN KEJAYAAN PALING KETARA DILIHAT SEKARANG IALAH PERHUBUNGAN YANG SEMAKIN ERAT ANTARANYA DENGAN RAKYAT KHUSUSNYA PETANI.

KATA DATUK SERI DR MAHATHIR, JIKA SATU MASA DAHULU MENJADI LUMRAH BELIAU MENERIMA BANYAK MEMORANDUM MENGENAI LPN, KINI TIDAK BERLAKU LAGI DAN RUNGUTAN PETANI JUGA KURANG DIDENGARI LAGI.

+JIKA KEADAAN INI MENUNJUKKAN LPN KINI DITERIMA OLEH PELADANG DAN PETANI, IA ADALAH SESUATU YANG MENUNJUKKAN KEJAYAAN DAN IA SEHARUSNYA BERKEKALAN.

+JIKA ADA MASALAH, YANG PENTING IALAH Mencari PENYELESAIAN MENERUSI PERUNDINGAN, KERANA CARA INI SAHAJA JALAN KE ARAH KEBAHAGIAN DAN KEMAKMURAN UNTUK KEDUA-DUA PIHAK,+ KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR SETERUSNYA MELAHIRKAN KEBANGGAANNYA DENGAN PELBAGAI USAHA YANG DIJALANKAN OLEH KEMENTERIAN PERTANIAN SEPERTI PASAR TANI DAN KEMPEN KELAPA MUDA YANG TELAH MEMBAWA FAEDAH KEPADA KAUM TANI.

DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG DIIRINGI OLEH ISTERINYA, DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH MOHAMED ALI, ADALAH DALAM SIRI LAWATAN DUA HARI KE KAWASAN PARLIMENNYA, KUBANG PASU, YANG BERMULA HARI INI.